

## **SPESIFIKASI TEKNIKAL**

### **SPESIFIKASI TEKNIKAL PENYELENGGARAAN KAWASAN LUAR BANGUNAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

- Dalam perlaksanaan kontrak perkhidmatan ini, kontraktor adalah dikehendaki untuk mematuhi spesifikasi teknikal seperti berikut.
- Ketidakakuruan kepada spesifikasi teknikal yang ditetapkan akan menjelaskan gred prestasi bulanan dan pihak UiTM berhak untuk membuat pemotongan bayaran.

#### **2.0 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BERJADUAL**

Perkhidmatan penyelenggaraan berjadual perlu dijalankan secara berjadual. Pihak syarikat perlu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut jadual kerja yang disediakan oleh pihak UiTM. Kegagalan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan boleh menjelaskan prestasi syarikat dan pemotongan bayaran bagi kerja yang tidak dilaksanakan.

Perkhidmatan penyelenggaraan berjadual terbahagi kepada :

- i. Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan luar bangunan.
- ii. Kerja-kerja penyelenggaraan Landskap
- iii. Kerja-kerja Persiapan Majlis
- iv. Kerja-kerja Provisional Sum

#### **2.1. PENYELENGGARAAN KAWASAN LUAR BANGUNAN**

Kontraktor adalah bertanggungjawab dalam menyediakan tenaga kerja dan kelengkapan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja ini. Kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dan kekerapan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

##### **2.1.1 Membersih Kawasan Berumput dan Tidak Berumput**

- Kontraktor perlu membersihkan sampah daun kering, ranting, dahan serta pelepah pokok pada kadar 5 kali seminggu semua kawasan.
- Semua kawasan **selepas** longkang perimeter bangunan dan jarak 5 kaki dari bangunan (bagi kawasan yang tidak berlongkang) adalah termasuk di dalam kerja ini.
- Pembersihan hendaklah dilakukan dengan menggunakan penyapu (menyapu) atau mesin semburan angin (mesin blower).
- Bangkai atau najis haiwan perlu dibuang dengan segera sebaik sahaja ditemui atau sekiranya menerima aduan

### **2.1.2 Membersih Dataran, Courtyard dan Taman (*Termasuk concrete paving, paving block, stamping concrete dan pebble wash*)**

- Kontraktor hendaklah memastikan dataran, courtyard, taman dan kawasan *concrete paving* dan *paving block* dibersih pada kadar 1 kali sehari
- Sebarang air yang bertakung di atas permukaan dataran hendaklah dikeringkan manakala pasir dan daun pula hendaklah dibersihkan setiap hari.
- Kontraktor hendaklah melakukan kerja-kerja membersih menggunakan waterjet di sekitar dataran, courtyard dan taman jika terdapat arahan daripada wakil Pegawai Penguasa (P.P).
- Semua lumut, kesan minyak dan cat hendaklah dibersihkan ketika kerja-kerja menggunakan waterjet dijalankan
- Rumput liar yang tumbuh pada sebarang permukaan Dataran dan Courtyard perlu dibuang.

### **2.1.3 Membersih Gelanggang Sukan (Hard Court)**

- Semua gelanggang hendaklah dibersih pada kadar kekerapan 1 kali seminggu, semua sampah sarap, kotoran, pasir dan batu bata perlu disapu semasa kerja pembersihan dilakukan.
- Sekiranya terdapat air yang bertakung, ianya hendaklah dikeringkan.
- Membersih gelanggang dari lumut perlu dibuat jika terdapat arahan daripada Penguasa Penguasa
- Bangkai atau najis haiwan perlu dibuang dengan segera sebaik sahaja ditemui atau sekiranya menerima aduan
- Kontraktor hendaklah melakukan kerja-kerja membersih menggunakan penyapu (menyapu) atau mesin semburan angin (mesin blower).
- Rumput liar yang tumbuh di gelanggang perlu dibuang secara manual, penggunaan racun rumpai tidak dibenarkan.

#### **2.1.4 Membersih Jalanraya, Pejalan Kaki, Kawasan Berturap dan Tempat Letak Kenderaan Berbumbung dan Terbuka**

- Kadar pembersihan adalah 3 kali seminggu di semua lokasi yang dinyatakan. Hari yang ditetapkan untuk kerja pembersihan ini ialah hari Ahad, Selasa dan Khamis, bagaimana pun sebarang perubahan jadual tertakluk kepada arahan Pengawai Pengguna.
- Kerja ini perlu dilaksanakan di awal pagi iaitu antara 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- Bangkai dan najis haiwan perlu dibuang dengan segera sebaik sahaja ditemui atau sekiranya menerima aduan.
- Semua rumput dan pasir yang terdapat di atas jalanraya, pejalan kaki dan tempat letak kenderaan hendaklah dibersihkan.

#### **2.1.5 Mengutip Sampah dan Membersih Tong Sampah**

- Tong sampah hendaklah dibersih pada kadar 3 kali seminggu
- Hari yang ditetapkan untuk kerja pembersihan ini ialah ialah hari Ahad, Selasa dan Khamis, bagaimana pun sebarang perubahan jadual tertakluk kepada arahan Pengawai Pengguna (P.P)
- Sekiranya tong sampah telah penuh, tong sampah hendaklah dikemaskan dan sampah sediada hendaklah dibuang ke rumah sampah atau tong sampah hijau (660l) yang berhampiran .
- Plastik sampah perlu diganti setiap kali sampah dikeluarkan.
- Sekiranya tong sampah kelihatan kotor, tong sampah perlu dibersihkan menggunakan air dan sabun jika perlu, dengan kadar segera.

#### **2.1.6 Membersih Kemudahan Awam**

- Pembersihan kemudahan awam adalah 1 kali seminggu.
- Takrifan kemudahan awam yang ditetapkan bagi perkhidmatan ini adalah tempat duduk berbumbung, kerusi taman, meja taman, gazebo/wakaf dan perhentian bas.
- Pembersihan hendaklah dibuat dengan mengelap atau mengemop permukaan yang kotor.

### **2.1.7 Pemotongan Rumput**

- Kadar pemotongan adalah 2 kali sebulan. Pusingan pertama ditetapkan pada 1hb. – 15hb. manakala pusingan kedua ditetapkan pada 16hb.- 30/31hb (28/29 bagi bulan Februari).
- Kontraktor perlu menggunakan peralatan keselamatan seperti cermin mata keselamatan/cermin pelindung, kasut keselamatan/boot getah tinggi, sarung tangan dan overall berwarna oren semasa menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput.
- Pihak syarikat juga perlu mengelakkan kerosakan atau kecederaan terhadap tanaman, harta benda dan orang ramai. Sebarang kerosakan adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat.
- Sisa/sampah rumput yang mengotorkan kaki lima bangunan perlu dibersihkan pada hari yang sama kerja-kerja pemotongan rumput dilaksanakan.

### **2.1.8 Membersih Longkang Luar Bangunan dan sump**

- Kadar pembersihan adalah 1 kali sebulan.
- Walaubagaimanapun, kontraktor perlu membuat pemeriksaan dan membersihkan semua longkang dan sump serta pembetung yang tersumbat selepas hujan lebat.
- Semua sampah mahupun sisa binaan seperti pasir, simen, daun, ranting dan lain-lain sampah yang boleh menyebabkan aliran air tidak lancar hendaklah dibersihkan.
- Rumput liar yang tumbuh di dalam dan tepi longkang perlu dicabut buang.
- Sisa sampah dari longkang perlu diletakkan di dalam plastik sampah dengan kadar segera dan tidak dibenarkan berlonggok di tepi bahu longkang.
- Waterjet perlu dibuat jika terdapat arahan daripada Pengguna Pengguna (P.P)